

KAJIAN TINDAKAN: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU GAYA

Dari April hingga Mei, 2009, satu kajian tindakan bersama (participatory action research) telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Pulau Gaya, pihak Panitia Bahasa Inggeris sekolah telah membincangkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah tersebut. Hasil perbincangan telah memutuskan bahawa semua guru Bahasa Inggeris di kedua-dua tahap perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk berpusatkan pelajar bagi menangani masalah pencapaian rendah

dalam matapelajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah yang berada di pulau. Jesteru, Guru Besar bersama Pensyarah Program TESL UMS, Prof. Madya Dr. Hamzah Md.Omar telah membuat tinjauan dan pencerapan proses pengajaran dan pembelajaran ke dalam bilik darjah semasa guru Bahasa Inggeris sedang mengajar. Kajian tindakan ini juga melibatkan penyertaan seramai 6 orang siswa siswi Program TESL UMS. Peranan siswa siswi TESL/UMS adalah memulakan proses pengajaran dan pembelajaran berpusat

pelajar selama lebih kurang 10 minit yang kemudiannya disambung oleh guru, seterusnya para siswa siswi mengambil peranan sebagai pembantu guru (teacher aide). Panitia Bahasa Inggeris mendapati pelaksanaan tindakan untuk menangani masalah pencapaian rendah pelajar di sekolah ini berkesan. Justeru itu, program berbentuk tindakan didapati lebih berkesan dari program intervensi lain yang didapati kurang berkesan dalam menangani masalah di sekolah terpencil ini.

